

# Kerajaan sedia hapus kuota masuk IPTA

BH - 7 MAY 2001

SUBANG JAYA, Ahad - Kerajaan sedia menghapuskan sistem kuota bagi kemasukan pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) jika rakyat bersetuju dengan tindakan itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tereserah kepada rakyat untuk membuat pilihan dan kerajaan bersedia menimbang kehendak mereka.

"Kita buat ini kerana kepentingan rakyat. Kalau mereka berpendapat bahawa kerajaan menjalankan dasar yang tidak baik, mengenakan kuota... kita tak nak kuota, maka kerajaan boleh hapuskan kuota.

"Tetapi, kita akan akur kehendak rakyat. Kalau dia (rakyat) nak sesuatu dia mestilah terima dan

guna (kuota)," katanya selepas merasmikan pameran Dinosaur Animatronik Terbesar di Dunia di pusat beli-belah The Summit USJ di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas saranan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, kelmarin yang meminta supaya sebarang kuota kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTA yang tidak dipenuhi, diberi kepada pelajar bukan Bumiputera yang layak.

Ini kerana selepas pemilihan pelajar cemerlang Bumiputera memasuki IPTA dilakukan, masih ada 7,168 kekosongan kerana kelulusan pelajar Bumiputera kurang menggalakkan.

Dr Mahathir berkata, Bumiputera mesti menerima hakikat ba-

hawa jika mereka tidak berminat untuk merebut peluang yang diberikan, mereka juga tidak berhak untuk menghalang orang lain menggunakan peluang itu.

"Ada pihak berpendapat, oleh kerana mereka tak minat maka orang lain juga perlu disekat. Ini kita tak boleh terima. Kita bagi peluang yang banyak kepada mereka, 43 tahun dah kita buka peluang ini kepada mereka, adakan universiti dan macam-macam... mereka tak berminat.

"Bila tak berminat, nak suruh sekat orang lain pula, jangan ada universiti swasta kerana ini menguntungkan orang lain... ini saya fikir tak adil. Kalau kita nak belajar, kita kena belajar, jangan nak belajar cuma nak sekat orang saja. Kita tak mahu belajar, kita nak

sekat orang lain jangan belajar. Itu tak kenalah," katanya.

Beliau berkata, Bumiputera sudah diberi peluang yang seluasnya dalam bidang pendidikan, seperti diberikan kursus yang khas untuk berjaya.

"Kalau mereka tunjuk tak berminat, peluang terpaksa diberi kepada orang lain. Kita menghadapi masalah kerana rakyat Malaysia bukan Bumiputera yang pandai-pandai belaka, akan ditarik oleh negara lain yang berminat terhadap kebolehan mereka, kerana mereka ini boleh menyumbang kepada negara lain.

"Jadi akan ada brain drain kalau kita sekat orang yang berkebolehan daripada mendapat pelajaran bagi dirinya dan juga berguna kepada negara," katanya.